



28/11/2008 (Jumaat)

Kuota subsidi diesel nelayan pukat tunda ditambah

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Kerajaan bersetuju untuk menambah kuota subsidi diesel kepada nelayan pukat tunda berkuat kuasa 1 Disember ini. Menteri Pertanian dan Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, dengan penambahan kuota itu, bot pukat tunda bagi zon B akan mendapat bekalan diesel subsidi maksimum kepada 24,000 liter sebulan.

Bagi zon C pula, ujarnya, mendapat maksimum 28,000 liter manakala zon C2 ialah 32,000 liter sebulan. "Penambahan kuota ini akan membolehkan nelayan menambah kekerapan menangkap ikan di laut daripada dua trip kepada tiga trip sebulan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurut beliau, keputusan itu diambil berikutan permohonan beberapa pertubuhan nelayan dan pengusaha kapal perikanan memohon agar kuota diesel pukat tunda dikekalkan sebelumnya. Sehubungan itu, kata Mustapa, kerajaan berharap tangkapan ikan nelayan akan bertambah berbanding sebelumnya dengan penambahan kuota subsidi diesel kepada nelayan pukat tunda. "Secara tidak langsung nelayan juga akan dapat meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Sebelum ini, bot pukat tunda zon B hanya mendapat subsidi diesel sebanyak 8,000 liter sebulan, zon C pula 24,000 liter sebulan dan zon C2 sebanyak 28,000 liter sebulan.

28/11/2008 (Khamis)

11,747 hektar tanah terbiar dipulihkan

SEREMBAN 28 Nov. - Sejumlah 11,747 hektar tanah terbiar di seluruh negeri ini dipulihkan melalui langkah-langkah proaktif Jabatan Pertanian negeri. Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Yunus Rahmat berkata, jumlah itu merangkumi 11,385 hektar tanah sawah dan 362 hektar tanah darat. "Aktiviti pertanian yang dijalankan di tanah-tanah tersebut termasuk penanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 25,831 tan hasil pertanian bernilai RM34.1 juta dihasilkan melalui program pemulihan tanah terbiar sepanjang tahun lalu. "Pengeluaran hasil pertanian tanah terbiar sepanjang Januari hingga Jun tahun ini adalah sebanyak 16,328 tan dengan nilai RM23.8

juta," katanya. Yunus seterusnya memberitahu, terdapat 256 projek pertanian melibatkan tanah terbiar di sekitar negeri ini. Beliau berkata, sebahagian daripada projek-projek tersebut dilaksanakan secara usaha sama antara usahawan dan pemilik tanah. "Selain itu, pemilik tanah turut diberi pilihan untuk mengusahakan tanah mereka sendiri," jelasnya. Katanya, masih terdapat 4,699 hektar tanah terbiar di seluruh negeri dan Jabatan Pertanian negeri sedang mengenal pasti lot-lot tanah yang berpotensi untuk dipulihkan.

28/11/2008 (Khamis)

Ladang limau bali di Tambun kawasan ekopelancongan

SUNGAI SIPUT 28 Nov. - Kawasan penanaman limau bali seluas 60 hektar di Tambun dekat sini akan diwartakan sebagai kawasan ekopelancongan bagi menarik pelancong asing dan tempatan ke negeri ini. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, peladang di situ tidak perlu risau mengenai masalah geran hak milik tanah itu kerana kerajaan campuran negeri yakin terhadap potensi limau bali sebagai tarikan dalam industri pelancongan di Ipoh.

Beliau berkata, kawasan asal itu adalah seluas 120 hektar tetapi separuh daripada kawasan itu telah diberikan kepada pihak lain yang telah pun mendapat geran hak milik. "Kita telah kenal pasti ladang ini amat berpotensi besar untuk dijadikan tarikan pelancongan," katanya di sini kelmarin. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perayaan Hari Peladang, Perniagaan dan Nelayan peringkat Negeri Perak (Agrofest 2008) Ke-8 di Ladang Infoternak dekat sini. Agrofest bertemakan 'Pertanian Adalah Perniagaan' disertai oleh 37 jabatan dan agensi kerajaan serta 30 syarikat swasta.

Mohammad Nizar berkata, pada masa ini, pengeluaran limau dari kawasan itu mencapai hasil kira-kira RM5 juta setahun dan pengekalannya sebagai kawasan pertanian sejarar dengan dasar kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian. Sementara itu dalam ucapannya, beliau mahukan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pertanian bagi meningkatkan minat warga tempatan menceburि bidang tersebut.

Mohammad Nizar berkata, ini kerana, kerajaan campuran negeri begitu komited dalam melahirkan usahawan tani di kalangan rakyat tempatan yang terdiri daripada belia, graduan, usahawan dan bakal usahawan. Menurutnya, sejarar dengan usaha itu, kerajaan campuran negeri akan menganjurkan klinik bimbingan usahawan kepada 150 peserta sebagai pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan industri asas tani. "Melalui langkah ini akan mengatasi pengambilan pekerja ladang dari luar yang kini merupakan cabaran kepada tenaga kerja tempatan," katanya.

Beliau berkata, program ini merupakan pelaburan kerajaan campuran negeri ke arah menjana ekonomi pertanian di samping membolehkan orang ramai mendapatkan pandangan dan

maklumat mengenai bidang pertanian. Tambahnya, bagi menyokong dan menggalakkan pembangunan pertanian, kerajaan campuran negeri akan memberikan kelulusan tanah ladang secara berkelompok dan berskala besar kerana ia lebih ekonomik dan efisien. Pada majlis itu, Mohammad Nizar turut menamakan spesies terbaru hibrid orkid dengan nama 'Adiliah.' Sementara itu, Agrofest Perak turut mengadakan pertandingan ternakan terbaik, pertandingan hasil pertanian terbaik, pertandingan memancing dan perlawanan sukan seperti futsal dan tarik tali.

29/11/2008 (Sabtu)

Pampasan RM38j majukan pekan Ramuan Cina Besar

MELAKA 29 Nov. - Kerajaan negeri menganggarkan sebanyak RM38 juta perlu dibelanjakan bagi membayar pampasan kepada pemilik tanah di kawasan Pekan Ramuan Cina Besar, Masjid Tanah dalam program pembangunan pekan tersebut. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Amirudin Yusof berkata, kira-kira 80 hektar tanah dikenal pasti terlibat dalam proses pengambilan tanah di kawasan tersebut.

Menurutnya, seramai 60 orang pemilik tanah dikenal pasti terlibat dalam proses pengambilan tanah di kawasan tersebut. "Setakat ini, kita sudah mengenal pasti kira-kira 60 orang pemilik tanah di kawasan berdekatan yang terlibat dalam proses pengambilan tanah di pekan tersebut dan proses pembayaran masih lagi dalam perbincangan bersama agensi kerajaan terlibat," katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, agensi kerajaan terbabit dalam perbincangan itu ialah Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah. Ujarnya, pertemuan pertama diadakan pada minggu lalu dan lebih tertumpu kepada taklimat kepada pemilik tanah mengenai usaha dan tujuan kerajaan mengambil tanah masing-masing iaitu bagi tujuan membangunkan pekan tersebut.

"Antara isu lain yang dibincangkan juga termasuk membaik pulih sistem dan kemudahan jalan, kawasan rekreasi dan kemudahan bersukan, cadangan membina lebih banyak unit rumah awam, dewan serbaguna, tadika dan kawasan perindustrian di pekan itu," ujarnya.

Tambah Amirudin, usaha kerajaan mengambil tanah pemilik di kawasan itu bukan semata-mata ingin menyusahkan pihak berkenaan. Sebaliknya, jelas beliau, ia adalah bertujuan untuk membangun dan menaik taraf pekan berkenaan agar lebih maju dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini bagi kegunaan penduduk di situ.

"Ia juga selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk mencapai status negeri maju menjelang tahun 2010 kelak. "Seandainya usaha ini tidak diteruskan, harapan Melaka Maju kelak tidak akan menjadi kenyataan memandangkan masih terdapat pekan-pekan kecil di

negeri ini yang berkeadaan tidak terurus," ujarnya. Beliau berkata, kerajaan negeri amat berharap kerjasama pemilik tanah di kawasan itu bagi memastikan projek membangunkan Pekan Ramuan Cina Besar kelak menjadi kenyataan mengikut perancangan. Menurutnya, banyak lagi pekan kecil di negeri perlu dinaik taraf dan dimodenkan ekoran pertambahan penduduk di sekitar kawasan terlibat.

30/11/2008 (Ahad)

Bantuan bina rumah rakyat termiskin dinaikkan

TUARAN 30 Nov. — Kadar bantuan membina rumah rakyat termiskin di seluruh negara dinaikkan sehingga RM33,000 seunit di semenanjung dan RM40,000 seunit bagi Sabah dan Sarawak, berkuatkuasa serta merta.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata kenaikan kadar bantuan itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet 1 Oktober lepas. Beliau berkata mengikut kadar baru itu, bantuan membina rumah dua bilik di semenanjung kini RM29,300 manakala rumah tiga bilik ialah sehingga RM33,000 berbanding kadar lama iaitu antara RM20,300 seunit dan RM22,300 seunit.

Bagi Sabah dan Sarawak, kadar baru bantuan bina rumah ialah RM33,000 seunit untuk rumah dua bilik dan RM40,000 seunit bagi rumah tiga bilik berbanding kadar lama iaitu RM22,300 hingga RM25,300 seunit, katanya kepada pemberita selepas melawat Kampung Mengkabung, dekat sini hari ini.

Muhammad berkata kadar baru itu akan memberi peluang kepada keluarga miskin tegar yang belum memiliki rumah, ibu atau bapa tunggal yang ramai tanggungan serta mangsa bencana dari kalangan keluarga miskin tegar mendapat rumah baru yang lebih baik termasuk menggantikan rumah kayu yang usang dengan rumah batu atau separuh batu.

1/12/2008 (Isnin)

Kerajaan tidak cadang swastakan Penang Port

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) kepada mana-mana pihak memandangkan syarikat itu memikul tanggung jawab sosial yang berat melalui operasi perkhidmatan feri yang mengalami kerugian.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Kong Cho Ha berkata kerajaan juga buat masa ini belum berhasrat untuk menjual ekuiti yang dimilikinya dalam PPSB atau menerima mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri Pulau Pinang sebagai pemegang saham dalam PPSB.

“Operasi perkhidmatan feri selama ini telah mengalami banyak kerugian dan kerajaan ambil itu sebagai satu tanggung jawab sosial, termasuk kerajaan negeri Pulau Pinang, juga tidak bersedia untuk ambil-alih operasi perkhidmatan feri,” katanya pada sesi soal jawab di persidangan di Dewan Rakyat di sini hari ini. PPSB ditubuhkan pada tahun 1993 untuk mengambil alih pengurusan dan operasi pelabuhan Pulau Pinang. Ia merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Kong juga berkata bahawa Kementerian Kewangan masih dalam perbincangan dengan syarikat prasarana mengenai cadangan untuk mengambil alih aset pemilikan perkhidmatan feri. “Tetapi, kita belum lagi sampai kepada satu keputusan untuk menswastakan perkhidmatan feri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Khairi Jamaluddin (BN-Rembau) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang untuk memisahkan operasi perkhidmatan feri daripada PPSB dan menyerahkan kepada operator pelabuhan tempatan lain yang mempunyai rekod prestasi yang baik. Kong turut menjelaskan bahawa kerajaan akan mengambil kira faktor kestabilan syarikat sebelum membuat keputusan untuk diswastakan.

Pada tahun kewangan 2007, PPSB mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 22.59 peratus kepada RM284.59 juta berbanding RM232.15 juta pada tahun 2006 dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM28.60 juta daripada RM12.68 juta.

1/12/2008 (Isnin)

Supiah tubuh jawatankuasa siasat 'kehilangan' RM223.7 juta



LIM Guan Eng (kiri) mengucapkan tahniah kepada Supiah Md. Yusof selepas dilantik sebagai Pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam.

BUKIT MERTAJAM 1 Dis. - Sebaik memulakan tugas sebagai pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hari ini, Datuk Supiah Md. Yusof dipertanggungjawabkan untuk menyiasat mengenai 'kehilangan' RM223.7 juta rizab pihak berkuasa tempatan itu sepanjang tempoh sembilan tahun lalu.

Sehubungan itu Supiah yang juga Pegawai Kewangan Negeri akan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyiasat perbelanjaan yang dibuat oleh MPSP dalam tempoh berkenaan sehingga menyebabkan pihak berkuasa tempatan itu menghadapi masalah kekurangan rizab untuk perbelanjaan dan operasi akan datang. Ketika ditemui pemberita selepas sidang akhbar Ketua Menteri, Lim Guan Eng di bangunan MPSP di Bandar Perda di sini hari ini, Supiah berkata, jawatankuasa itu akan menyiasat dalam tempoh dua minggu segala perbelanjaan MPSP sebelum hasil siasatan kepada kerajaan negeri.

"Tempoh dua minggu yang diberikan Ketua Menteri untuk menyiasat perbelanjaan MPSP ini adalah mencukupi dan saya rasa tidak mempunyai masalah untuk bekerja dalam tempoh yang singkat itu. Ia tidak membebankan saya," katanya.

Ditanya sama ada pihak tertentu termasuk pemaju bangunan bernilai RM84.3 juta itu, iaitu Aseania Development Bhd. akan dipanggil untuk memberi keterangan, beliau berkata, perkara itu akan dilakukan jika ia dikehendaki oleh kerajaan negeri. "Buat masa ini tidak perlu tetapi jika selepas laporan siasatan diserahkan kepada kerajaan negeri dan mereka merasakan ada keperluan untuk berbuat demikian, kita akan lakukannya," kata Supiah.

Pada hari ini, Guan Eng mengumumkan pelantikan Supiah memangku jawatan Yang Dipertua MPSP berikutan ketiadaan Yang Dipertuanya, Farizan Darus yang sedang berkursus dan akan bercuti selepas itu sehingga 31 Disember ini.

Selepas sidang akhbar berkenaan, Supiah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Guan Eng dan disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Alam Sekitar negeri, Chow Kon Yeow serta ahli majlis yang lain. Terdahulu, dalam sidang akhbarnya, Guan Eng berkata, kerajaan negeri perlu mendapatkan data dan maklumat mengenai perbelanjaan yang dibuat oleh MPSP secara terperinci sebelum mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa.

Beliau yang menyalahkan kerajaan negeri lalu berhubung perbelanjaan besar MPSP sehingga menyebabkan pihak berkuasa tempatan itu menghadapi masalah kewangan yang teruk, mengakui bahawa pihaknya bakal berhadapan dengan masalah untuk membuktikan dakwaan penyelewengan itu. "Sekarang ini semua orang cerdik, kita susah nak kesan (penyelewengan atau salah guna kuasa). Bila kita masuk pejabat dahulu, fail pun tidak ada dan kita perlu membuktikan perkara itu melampaui keraguan yang munasabah," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan negeri akan melaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) jika siasatan yang diketuai Supiah menemui maklumat berkaitan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa itu.

Guan Eng juga berkata, kerajaan negeri tidak mampu untuk mengambil juruaudit bebas bagi menyiasat kes berkenaan kerana kosnya terlalu mahal. Pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini, Guan Eng membangkitkan mengenai kekurangan rizab MPSP berikutan perbelanjaan besar yang dirasakan tidak munasabah sedangkan kos itu boleh dijimatkan.

Sejak itu, berlaku 'perang mulut' antara kerajaan negeri pimpinan Guan Eng dengan bekas Exco yang bertanggungjawab, Datuk Dr. Teng Hock Nan, mengenai perincian perbelanjaan yang dilakukan MPSP antaranya peruntukan kawasan yang diberikan kepada Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Seberang Perai, pembinaan ibu pejabat MPSP di Bandar Perda serta kos penyelenggaraan sistem hawa dingin yang terlalu tinggi.

Dalam sidang akhbarnya itu, Guan Eng menjelaskan bahawa daripada lebihan Kumpulan Wang Baki sebanyak RM230.1 juta pada 1 Januari 2000, kini wang itu akan tinggal hanya RM6.4 juta pada 31 Disember tahun ini dan MPSP tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk melaksanakan pembangunan di kawasan Seberang Perai. Katanya, peruntukan kepada 21 orang ADUN berjumlah RM50.3 juta serta RM8.6 juta kepada lebih 20 orang Ahli Majlis MPSP yang digunakan sebagai politik wang merupakan antara penyumbang utama 'kehilangan' RM223.7 juta dalam masa sembilan tahun itu. Selain itu, katanya, MPSP menanggung kerugian lebih RM50 juta apabila membina ibu pejabat di Bandar Perda yang dibuat tanpa melalui tender terbuka kepada Aseania berbanding membinanya di atas tanahnya sendiri di Ampang Jajar dan meminta pemimpin kerajaan negeri yang lalu membuktikan dakwaan bahawa Timbalan Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim terlibat memberi arahan untuk urusan tersebut.

1/12/2008 (Isnin)

Peserta PPRT rayu bekalan air, elektrik



Osman Mamat menunjukkan tempat meter elektrik rumah PPRT miliknya yang masih kosong di Kampung Alur Tembesu, Dungun semalam.

DUNGUN 1 Dis. - Seorang warga emas, Osman Mamat, 67, dari Kampung Alur Tembesu di sini merayu bantuan pihak berwajib agar menyelesaikan segera masalah bekalan air dan elektrik di rumahnya yang telah berlarutan sejak sekian lama. Rumah yang didudukinya melalui Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) itu siap lebih dua tahun lalu, namun sehingga kini masih tidak boleh diduduki ekoran ketiadaan kemudahan asas itu kerana Osman tidak mampu membuat pembayaran kemasukan. Disebabkan keadaan itu juga, Osman yang hidup membujang terpaksa menumpang di rumah adiknya meskipun mengakui tidak selesa dengan keadaan tersebut.

Osman ketika ditemui *Utusan Malaysia* berkata, dia tidak sabar untuk tinggal di rumah baru yang dibina di atas tanah peninggalan arwah ayahnya itu dan berharap ada pihak sudi membantunya menyelesaikan masalah tersebut. "Jika sumber kewangan mencukupi, saya tidak akan mengharapkan bantuan sesiapa untuk menyelesaikan masalah ini sebaliknya berusaha sendiri untuk menyelesaikannya. "Malang sekali saya tidak boleh buat semua itu. Apa yang saya boleh buat kalau hanya mampu bekerja sebagai mekanik sambilan, ada masa adalah rezeki, kadang-kadang tiada langsung, sampai berbulan-bulan, hidup ini tidak ubah seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang," katanya.

Menurutnya, pada mulanya dia menyangka rumah tersebut boleh didiami selepas beberapa bulan siap, namun sangkaan itu meleset kerana dia tidak mempunyai wang untuk bayaran kemasukan paip air dan elektrik. "Tolonglah, saya merayu kepada pihak berwajib supaya carilah jalan penyelesaian terbaik agar saya dapat tinggal di rumah itu dengan segera," katanya.

Dua tahun lalu, kerajaan negeri melalui pihak berkuasa daerah telah bersetuju untuk membina sebuah rumah PPRT di Kampung Alur Terbesu di sini untuk membantu meringankan beban yang ditanggung Osman. Rumah tersebut walaupun berjaya disiapkan dalam tempoh yang singkat, namun sehingga kini masih tidak dapat diduduki kerana tiada kemudahan air dan elektrik. Menurut Osman, memandangkan rumahnya tidak berpenghuni sekian lama, ia sering menjadi sasaran pencuri menyebabkan premis itu rosak.

2/12/2008 (Selasa)

Masalah bangunan terbengkalai perlu diatasi



BAHAGIAN dalam bangunan terbiar dipenuhi sampah sarap dan dindingnya dipenuhi contengan.

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Kebanyakan penduduk di sekitar kawasan Angsana Hilir di sini berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak pemaju asal projek perumahan kondominium di Taman Angsana Hilir, Ampang, untuk mengambil tindakan segera terhadap bangunan tersebut kerana ia sudah terlalu lama terbiar. Hal ini kerana bangunan itu sudah terlalu lama terbiar sehingga melahirkan kebimbangan di kalangan masyarakat setempat yang tinggal berhampiran bangunan itu.

Pihak berkuasa seharusnya melakukan sesuatu dengan segera kerana bimbang perkara tidak diingini boleh berlaku kerana kawasan tersebut tidak dijaga dan memudahkan mereka yang tidak bertanggungjawab melakukan sesuatu di sekitar bangunan itu.

Seorang penduduk, **Azreel Feiza Zahari**, 23, berkata, bangunan itu berpotensi untuk menjadi tempat kegiatan tidak sihat seperti penagihan dadah dan kediaman bagi kutu rayau yang tidak mempunyai rumah. "Seingat saya, sejak dari zaman saya sekolah lagi bangunan itu telah terbengkalai dan sampai sekarang tiada sebarang tindakan diambil daripada pihak berkuasa atau pun pihak pemaju. "Apa yang merisaukan saya, kawasan berkenaan terlalu gelap pada waktu malam walaupun terdapat lampu jalan di situ tetapi ia berisiko tinggi untuk mengundang kejadian jenayah seperti ragut dan samun," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Syakir Mohammed Salleh**, 23, menggesa pihak berkuasa atau pemaju terbabit untuk mengambil tindakan segera kerana bimbang kawasan tersebut akan menjadi tempat pembuangan sampah. Katanya, di sekitar kawasan tersebut telah dijadikan tempat pembuangan sampah oleh sesetengah individu dan kegiatan itu akan memberikan impak yang negatif khususnya kepada alam sekitar kerana semakin hari sampah di situ semakin bertambah.

Sementara itu, orang ramai yang menggunakan laluan tersebut juga menyuarakan pendapat yang sama kerana kewujudan bangunan itu hanya mencemarkan pemandangan.

Seorang penduduk tempatan, **Luqman Ab. Rahim**, 23, yang berulang-alik melalui kawasan tersebut berkata, pihak berkuasa tempatan harus melakukan sesuatu dengan kadar segera kerana bangunan tersebut sudah terlalu lama terbengkalai. "Di sekitar kawasan tersebut juga sudah tiada papan tanda pemaju yang mengendalikan projek perumahan itu dan ini membuktikan ia sudah lama terbiar," katanya.

Seorang lagi penduduk yang kerap melalui jalan itu, **Mohammad Noor Mat Aroff**, 22, berpendapat bangunan tersebut harus dirobohkan sahaja kerana bimbang ia akan dijadikan tempat untuk perkara tidak sihat. "Perkara ini saya serahkan kepada pihak berkuasa untuk menentukannya, sekiranya hendak dirobohkan atau dikekalkan.

"Apa yang penting sekarang ini adalah tindakan segera harus diambil bagi membendung kegiatan yang tidak bermoral dan sekiranya dibiarkan begitu sahaja maka ia akan hanya mencacatkan pemandangan di pekan ini," jelasnya.

2/12/2008 (Selasa)

KPP mampu tarik pelaburan RM2 bilion



Abdullah Ahmad Badawi mengangkat MPVC Polimer, produk plastik keluaran Petronas, sambil diberi penerangan oleh Ketua Pengarah Eksekutif Petronas MITCO, Mohd. Saleh Hashim (kanan) ketika melawat pameran selepas merasmikan Pelancaran Kelompok Industri Plastik Kertih (KPP) di Kertih, semalam.

KEMAMAN 2 Dis. - Kelompok Industri Plastik Kertih (KPP) dijangka mampu menarik pelaburan swasta bernilai RM2 bilion yang boleh mewujudkan lebih 7,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan berdasarkan pakej insentif yang ditawarkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelaburan tersebut mampu merangsang pembangunan sektor pembuatan dan industri berkaitan seperti pembungkusan, peralatan perubatan, bahan binaan, komposit dan automotif sambil menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana tempatan. Setakat ini, menurutnya, dua pelabur sudah mula membina kilang mereka di KPP manakala dua lagi syarikat telah menempah lot tanah untuk mendirikan kilang dan sebuah lagi menunjukkan minat yang amat tinggi untuk bertapak di KPP. "Saya difahamkan Petronas akan mendirikan sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi di KPP yang akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan khidmat teknikal aplikasi plastik di sini," katanya ketika berucap melancarkan KPP di sini hari ini. KPP merupakan salah satu projek di bawah pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang terletak di atas tanah seluas 140 hektar.

Menurut Perdana Menteri, usaha akan ditingkatkan bagi mempercepatkan pembangunan KPP terutama dalam penyediaan kerja-kerja asas dan prasarana bagi kemudahan pelabur. Jelas Abdullah, kerajaan telah menyediakan pelbagai pakej insentif kepada bakal pelabur, namun syarikat yang mahukan insentif itu harus mendapat kelulusan daripada Majlis Pembangunan ECER dan memulakan operasi perniagaan sebelum 31 Disember 2015. "Daya tarikan KPP kepada pelabur industri plastik adalah pendekatan bersepadan serta lokasi yang dekat dengan sumber bahan mentah polimer yang mampu membekalkan stok mengikut masa permintaan," ujarnya.

Mengenai ECER, kata Perdana Menteri, daripada 105 projek yang dirancang, sebanyak 77 daripadanya sedang dan akan dimulakan pelaksanaannya pada pertengahan 2009. Bagi melaksanakan projek-projek berkenaan, jelas beliau, kerajaan telah memperuntukkan RM2.6 bilion yang telah diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan projek itu dijangka diteruskan dalam RMK-10.

3/12/2008 (Rabu)

Pantau projek rumah di cerun bukit

HULU SELANGOR Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah memantau kawasan perumahan di cerun-cerun bukit berikutan musim hujan dan tengkujuh pada masa ini. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, jika terdapat sebarang masalah seperti hakisan tanah, PBT perlu mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan amaran awal kepada penduduk.

Menurutnya, ia penting bagi menjamin keselamatan penduduk sekali gus mengelakkan berulangnya kejadian tanah runtuhan yang mengorbankan dua nyawa di Lot 110, Jalan Belida 1, Ulu Yam Perdana di sini kelmarin. "Saya cukup sedih dengan kejadian mengorbankan dua nyawa ini, kita perlu ambil iktibar daripada kejadian tersebut dan kejadian yang sama tidak patut berlaku lagi," katanya kepada pemberita selepas melawat tempat kejadian di sini hari ini.

Mengulas lawatan hari ini, **Ka Chuan memberitahu, beliau mempersoalkan kelulusan kepada pemaju untuk membina rumah di situ sedangkan pada pemerhatiannya cerun dan struktur tanah di situ tidak kukuh.** "Berdasarkan keadaan yang diperhatikan hari ini, kemungkinan rumah yang dibina di tempat kejadian tidak mematuhi piawaian dan syarat yang digariskan, jadi saya harap kejadian akan disiasat dengan rapi. "Kita perlu tunggu hasil siasatan penuh jawatankuasa khas yang dilantik untuk menyiasat kejadian ini sebelum mengetahui punca sebenar," katanya.

Ka Chuan turut meminta PBT tidak meluluskan sebarang permohonan baru lot tanah di kawasan itu sementara siasatan dilengkapkan. Katanya, kelulusan mendirikan rumah di atas 300 lagi lot tanah di tempat kejadian perlu dikaji semula ekoran kejadian berkenaan. Dalam kejadian pada pukul 5.30 pagi kelmarin, dua mangsa Noratirah Roslan, 16, dan adiknya, Nurul Intan Sarina, 9, terkorban setelah tertimbas ketika sedang tidur di bilik mereka apabila tebing di belakang rumah berkenaan runtuhan, lalu menghempap rumah itu yang dibina di atas lereng bukit.

3/12/2008 (Rabu)

Laporan tanah runtuhan siap tiga bulan

KUALA LUMPUR Laporan lengkap mengenai runtuhan tanah yang menimpa sebuah banglo setingkat di Ulu Yam Perdana, Selangor, awal pagi kelmarin dijangka siap dalam tempoh tiga bulan, selepas siasatan forensik dijalankan.

Jurucakap cawangan Kejuruteraan Cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) ketika dihubungi *Bernama* berkata sebagai permulaan, pihaknya sudah melawat tapak kejadian semalam untuk mendapat gambaran awal mengenai punca kejadian. Beliau berkata, satu jawatankuasa yang diketuai cawangan kejuruteraan cerun juga telah ditubuhkan bagi menyiasat kejadian itu dan akan bermesyuarat esok. "Jawatankuasa itu akan turut dianggotai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, JKR negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dan Majlis Daerah Hulu Selangor," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejadian itu bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, sebaliknya di bawah bidang kuasa pemaju perumahan berkenaan iaitu Shah Alam Property. "Ia di bawah bidang kuasa pemaju kerana terletak di kawasan perumahan. JKR cuma

diarah membuat siasatan dan menyediakan laporan," katanya yang tidak menolak kemungkinan runtuh itu berlaku akibat hujan berterusan.

Dalam kejadian pada pukul 5.30 pagi itu, Noratirah Roslan, 16, dan adiknya Nurul Intan Sarina, 9, mati tertimbas ketika tidur dalam bilik mereka apabila tebing di belakang rumah berkenaan runtuh, lalu menghempap rumah itu yang dibina di atas bukit.

3/12/2008 (Rabu)

Pasir Johor hendak diangkut ke mana?

Oleh Maznah Mohd. Arsal.



GONDOL... Pemandangan dari udara keadaan sebuah bukit yang kini bertukar menjadi sebuah kawah yang besar dengan kedalaman kira-kira 10 meter akibat kerja-kerja mengorek pasir di Teluk Rumania, Kota Tinggi semalam.

KOTA TINGGI 3 Dis. – Kewujudan tiga kawah besar yang setiap satu berkeluasan kira-kira 12 hektar di Teluk Ramunia, 80 kilometer dari sini menimbulkan kebimbangan dan keresahan di kalangan penduduk setempat. Kawah yang mencapai kedalaman 15 tingkat bangunan itu adalah kesan daripada kegiatan mengorek tiga buah bukit yang terletak kira-kira 650 meter dari pantai Teluk Ramunia, antaranya bagi mendapatkan batu granit.

Apa yang menjadi kegusaran kira-kira 10,000 penduduk di sekitar Teluk Ramunia, Punggai, Kampung Datuk Abdul Ghani Othman, Sungai Rengit dan beberapa kawasan berhampiran ialah tiada usaha pemulihian dilakukan oleh syarikat perlombongan berkenaan.

Tinjauan Utusan Malaysia ke kawasan itu mendapati para penduduk bimbang kegiatan tersebut boleh mengundang pelbagai bencana seperti ditenggalami air akibat ketiadaan penahan sama ada apabila berlaku hujan lebat dan ombak besar.

3/12/2008 (Rabu)

RM332j naik taraf Pelabuhan Pulau Pinang

PULAU PINANG 3 Dis - Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPS) telah menghantar kertas cadangan kepada kerajaan untuk menaik taraf operasi Pelabuhan Pulau Pinang dengan melibatkan kos RM332 juta bagi meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakannya kepada pelanggan.

Pengerusinya, Tan Cheng Liang berkata, kertas cadangan yang telah dihantar pada tahun lepas itu berkaitan permintaan PPS untuk melakukan perubahan menyeluruh di kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, sehingga sekarang kerajaan masih meneliti kertas cadangan itu dan kita harap pihak berkenaan dapat mempertimbangkan perkara itu secepat mungkin.

Ini bagi membolehkan pelabuhan itu memainkan peranan yang lebih besar untuk menjadi pemangkin dalam industri logistik, sesuai dengan aspirasi kerajaan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat logistik bagi Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER)," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerja-kerja menaik taraf yang dijangka memakan masa setahun itu juga penting kerana tahap kecekapan dan mutu perkhidmatan yang bakal ditawarkan itu dijangka menarik lebih banyak kargo dan kapal-kapal besar pada masa akan datang.

Bagi membolehkan kapal-kapal besar dari seluruh dunia berlabuh di sini, Tan berkata pihaknya perlu mendalamkan Selat Pulau Pinang. Ketika ini hanya kapal-kapal kecil yang berlabuh di pelabuhan ini.

Katanya, projek mendalamkan perairan berkenaan daripada 10.4 meter kepada 14.5 meter Kedalaman Perairan (ACD) dan naik taraf laluan di sepanjang utara perairan Pulau Pinang adalah penting.

"Antara langkah menaik taraf ialah projek mengorek dan mendalamkan dermaga serta perairan di sekitar pelabuhan itu amat penting bagi membolehkan kapal-kapal besar berlabuh serta menjadikan pelabuhan itu sebagai pusat penting di rantau ini," katanya.

3/12/2008 (Rabu)

Mencurah hasil ke negara lain

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM dan TOREK SULONG

KOTA BHARU 3 Dis. - Pusat pendaratan ikan utama untuk laut dalam di negeri ini iaitu Tok Bali, Pasir Puteh pada tahun lalu dilaporkan mencatatkan pendaratan sebanyak 30,000 tan metrik dengan nilai RM80 juta. Jabatan Perikanan kini meletakkan sasaran lebih tinggi iaitu sebanyak 40,000 tan metrik atau dengan nilai RM112 juta pada tahun ini.

Dengan 200 bot laut dalam milik 70 pengusaha aktif, jumlah yang didaratkan dipercayai sekadar separuh daripada hasil tangkapan sebenar kerana sebahagiannya dipercayai didaratkan di pelabuhan negara jiran. Keadaan itu dikatakan berlaku atas beberapa faktor termasuk sebilangan daripada bot disewa secara tidak rasmi kepada pengusaha asing dengan bayaran dikatakan berbelas ribu ringgit bagi setiap bot.

Ketika usahawan tempatan meraih keuntungan mudah, strategi ini memberikan kebebasan buat pengusaha asing meraih hasil daripada perairan negara pada bila-bila masa. Mereka tidak lagi menanggung risiko kerugian besar apabila bot dirampas kerana menceroboh selain awak-awak mereka menjadi tahanan di negara ini.

Dengan bot pendaftaran tempatan itu, mereka juga tidak terbebani dengan kos bahan api apabila berpeluang mendapatkan diesel subsidi yang dibekalkan kepada golongan nelayan. Namun dikatakan tidak kesemua hasil tangkapan ikan yang diperoleh dijual di negara jiran kerana sebahagian kecil perlu dibawa balik ke pangkalan Tok Bali kerana ia menjadi syarat utama wajib mendaratkan ikan bagi mendapatkan bekalan diesel bersubsidi.

Jumlah hasil tangkapan ikan yang diperoleh adalah satu perkara yang subjektif di mana tekong boleh memberitahu bahawa hasil tangkapan ikan merosot atau berkurangan sedangkan sebahagiannya sudah berada di pasaran negara jiran. Kadar harga pembelian ikan mungkin lebih mahal berbanding harga pasaran tempatan dan mereka juga dikatakan tidak terdesak untuk melambakkkan hasil tangkapan dalam negeri kerana ia akan menjelaskan harga dengan agak ketara.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, **Suhaili Lee** walaupun tidak membayangkan keadaan sebenar, beliau menyatakan rasa kesalnya kerana terdapat sebilangan pengusaha yang lebih cenderung mencari pasaran di luar sedangkan pada masa yang sama, keperluan tempatan mendesak. "Jabatan tidak menafikan ketirisan atau aliran ikan ke pasaran luar itu disebabkan oleh faktor penawaran yang lebih tinggi namun pengusaha juga wajar menimbangkan semula pelbagai jenis bantuan dan subsidi yang diberikan oleh kerajaan termasuk diesel," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, pihak jabatan meningkatkan pemantauan hasil tangkapan dengan mensyaratkan setiap bot mendaratkan jumlah tertentu setahun dan jika gagal mematuhi, mereka bakal berhadapan dengan masalah memperbaharui lesen.

Suhaili berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Interaksi ke Arah Peningkatan Hasil Pemprosesan Ikan Negara di sini baru-baru ini yang dihadiri oleh 50 pengusaha laut dalam dari Pantai Timur. Menurut Suhaili, kekurangan ikan menyebabkan negara terpaksa mengimport lebih banyak hasil laut itu dari negara luar untuk memenuhi keperluan tempatan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Perikanan negeri, **Ruzaidi Mamat** berkata, akibat ketiadaan prasarana seperti pusat penyimpanan stok secukupnya dan industri hiliran memproses hasil laut menyebabkan harga ikan yang dilabuhkan berada dalam keadaan tidak stabil dan mudah dimanipulasikan oleh pelbagai pihak. Katanya, apabila ikan dilabuhkan dalam kuantiti sedikit maka harganya akan meningkat kerana permintaan melebihi bekalan tetapi keadaan akan bertukar sebaliknya apabila terlalu banyak bot mendaratkan ikan.

"Formulanya adalah mudah iaitu apabila ikan sedikit maka tawaran harga akan meningkat dan ia akan bertukar menjadi rendah jika bekalan didararkan dengan banyak," katanya kepada *Utusan Malaysia*. Katanya, perkembangan industri perikanan Tok Bali dibimbangi tidak mampu bergerak pantas kerana wujudnya ketidakseimbangan dengan perkembangan industri hilirannya iaitu tiadanya prasarana khusus bagi memproses hasil laut yang diperoleh oleh para nelayan. Setakat ini, hanya terdapat empat kilang sejuk beku yang jelas tidak selari dan dilihat tidak mampu mengimbangi pertumbuhan industri perikanan itu yang semakin meningkat saban tahun. Tambah Ruzaidi, antara jalan penyelesaian kepada masalah itu ialah mewujudkan industri hiliran yang berdaya saing seperti kilang-kilang pemprosesan untuk membuat ikan sardin dan produk laut lain.

Jabatan Perikanan negeri dalam menangani 'ketirisan' ini telah bertindak proaktif apabila setiap bot laut dalam yang memperbaharui lesen diwajibkan memasang gajet alat pengesan bot (VTU), iaitu seperti alat Sistem Penentuan Global (GPS) yang mampu mengesan dengan tepat kedudukan bot yang berada di tengah lautan. "Sasaran kita ialah pada tahun hadapan semua bot akan dilengkapi dengan VTU yang akan dapat memastikan keselamatan bot dan memberikan pertolongan dengan segera sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini," kata Ruzaidi.

Lesen bot laut dalam juga tidak akan dibenarkan untuk diperbaharui sekiranya tidak mencapai syarat pendaratan ikan yang ditetapkan iaitu minimum 350 tan metrik setahun bagi bot pukat jerut dan 250 metrik tan setahun bagi bot pukat tunda. Beliau mengakui pergantungan pada ikan yang diimport daripada Thailand sepatutnya tidak berlaku kerana kuantiti pendaratan ikan di negeri ini sepatutnya telah melebihi daripada kegunaan domestik termasuk pada musim tengkujuh. Mengikut statistik sehingga tahun 2010, dalam masa setahun, setiap penduduk Kelantan akan memakan ikan sebanyak 55 kilogram seorang iaitu menyamai 77,000 kilogram berdasarkan jumlah terkini penduduk negeri ini seramai 1.4 juta orang.

4/12/2008 (Khamis)

11 kenderaan musnah akibat tanah runtu



MUSNAH... Kejadian tanah runtu di tempat letak kereta terbuka bersebelahan bangunan Commerce Square di Jalan Semantan, Damansara, Kuala Lumpur, semalam mengakibatkan dinding konkrit setinggi 21 meter ranap dan menimbul 11 buah kenderaan.

KUALA LUMPUR 4 Dis. – Sebanyak 11 buah kenderaan di kawasan meletak kereta di antara bangunan Commerce Square dan bangunan Amanah Raya Berhad milik CIMB di Jalan Semantan di sini, tertimbas dalam kejadian tanah runtu petang ini. Tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian pada pukul 5.15 petang itu. Hujan lebat sejak pukul 2 petang tadi dipercayai menyebabkan tanah di kawasan itu runtu dan meranapkan dinding konkret setinggi 21 meter di kawasan meletak kereta itu. Utusan Malaysia difahamkan kawasan meletak kereta tersebut disewa kepada Syarikat ZNS Enterprise Sdn. Bhd., khusus untuk kegunaan kakitangan serta pelawat CIMB.

4/12/2008 (Khamis)

Selangor akan pulihkan hutan yang diceroboh

KUALA SELANGOR 4 Dis. - Selangor hari ini memulakan operasi besar-besaran untuk membersih dan memulihkan kawasan hutan simpan seluas 2,800 hektar di negeri itu yang diceroboh pihak tidak bertanggungjawab. Operasi pertama dimulakan di ladang haram yang paling besar di Hutan Simpan Raja Musa di Batang Berjuntai di sini.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerja pembersihan yang dimulakan di Hutan Simpan Raja Musa dengan kerjasama pelbagai agensi dan pihak berkuasa itu merupakan fasa yang pertama. Beliau berkata, kawasan ladang haram seluas 565 hektar di Hutan Simpan Raja Muda Musa perlu dibersihkan segera kerana ia adalah kawasan tadahan air untuk kawasan ladang di Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Ada kira-kira 9,000 peladang di kedua-dua daerah itu. Kerajaan Selangor tidak boleh menjelaskan kehidupan sebegitu ramai peladang yang sah hanya untuk menjaga peladang

haram ini. "Tindakan ini adalah sebagai satu amaran kepada peladang haram lain yang menduduki hutan simpan di Selangor dan kerajaan Selangor akan mengambil tindakan terhadap mereka juga," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai operasi meroboh rumah, pondok dan reban ayam termasuk memusnahkan tanaman kontan yang diusahakan kira-kira 300 peneroka hutan berkenaan. Dalam perkembangan lain, Penolong Pengarah Bahagian Operasi dan Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan negeri, Mohd. Yussainy Md. Yusop yang ditemui di lokasi operasi berkata, peneroka Hutan Simpan Raja Musa tidak layak menjalankan sebarang aktiviti di atas tanah tersebut, meskipun memiliki permit Kelas E. Jelas beliau, ini kerana permit E adalah kelulusan kepada peneroka untuk membuat permohonan bagi menjalankan sebarang aktiviti di atas tanah hutan simpanan kekal, namun tiada jaminan bagi kelulusan permohonan tersebut.

"Operasi kali ini berjalan lancar, tidak seperti pada 20 dan 27 Mei lalu dalam operasi yang sama apabila operasi yang dijalankan mendapat tentangan daripada sebilangan peneroka. "Semua tanaman dijangka habis dimusnahkan dalam beberapa hari lagi dan kami juga akan menutup semua jalan masuk ke dalam hutan ini serta menutup saliran parit supaya air dapat mengalir semula ke kawasan ini bagi mengelakkan berlakunya kebakaran hutan," jelasnya.

4/12/2008 (Khamis)

Projek Taman Botani tidak cemar alam



Kerja naik taraf laluan pejalan kaki menyusuri anak sungai di Taman Botani, Pulau Pinang.

PULAU PINANG 4 Dis. - Projek *Eco Stream Walk* Taman Botani di sini dijamin tidak mencemarkan alam sekitarnya kerana ia dinaiktaraf bagi mencantikkannya sebagai kawasan rekreasi dan riadah. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan,

Kesenian & Warisan negeri, Danny Law Heng Kiang menyangkal dakwaan kononnya projek itu telah mengakibatkan kerosakan alam sekitar terutamanya kerja-kerja mengorek sungai kecil di taman tersebut.

Menurutnya, projek tersebut dilaksanakan bagi memperindahkannya lagi kawasan Taman Botani di samping melebarkan anak sungai sepanjang kira-kira 300 meter di situ. "Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk menaiktaraf sungai ini. Projek ini telah pun bermula pada 10 Julai lalu dan dijangka siap penghujung bulan ini. "Projek ini perlu bagi mendalam dan meninggikan kawasan sungai ini agar tanah tidak runtuh," katanya pada sidang akhbar di lokasi berkenaan di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Taman Botani, Nor Wahida Hassan dan Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Mohd. Abu Bakar Othman. Sementara itu, Heng Kiang mengakui bahawa tanah di kawasan di situ harus dikorek bagi kerja-kerja menaiktaraf. "Projek ini sememangnya untuk kebaikan sungai di situ dan bukannya bagi 'menghancurkan' alam sekitar," jelasnya.

Beliau memberitahu, bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pihaknya menerima peruntukan beberapa juta bagi menaik taraf kawasan sekitar Taman Botani yang sememangnya dikenali oleh pelancong tempatan dan asing. Katanya, sebanyak kira-kira RM1 juta diperuntukkan untuk membangunkan projek Taman Buluh, RM2.5 juta untuk membina pusat pelancongan yang baru dan RM2.5 juta lagi bagi menaiktarafkan pintu masuk utama dan tempat meletak kenderaan. Tambah beliau, sebelum kerja-kerja menaik taraf tempat letak kenderaan dimulakan, di situ hanya mampu memuatkan tiga buah bas sahaja namun selepas itu ia mampu menempatkan kira-kira 10 buah bas dan 50 buah kereta dalam satu masa.

"Projek pusat pelancong akan dijalankan berhadapan dengan tapak penjaja yang ada sekarang ini manakala para penjaja nanti akan dipindahkan ke pusat perniagaan yang baru. "Bagi projek Taman Bambu pula, kami jangkakan ia akan siap kira-kira dua atau tiga tahun daripada sekarang kerana projek-projek ini digerakkan secara berfasa," ujarnya.